



22 APR, 2022

22 barangan tersenarai dalam SHMMP

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

22 barangan tersenarai dalam SHMMP

PUTRAJAYA: Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2022 dilaksanakan dari 26 April hingga 6 Mei ini melibatkan 22 jenis barangan, umum Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi semalam.

Beliau berkata, skim di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 itu dilaksanakan bagi menstabilkan harga barangan dan bekalan di pasaran menjelang Hari Raya Aidilfitri pada 3 Mei ini, dan ia melibatkan kategori hasil laut, barangan kering, sayuran dan daging.

"Tempoh kuat kuasa bagi Skim ini ialah tujuh hari sebelum perayaan, pada hari perayaan itu sendiri dan tiga hari selepasnya," katanya ketika mengumumkan SHMMP Hari Raya Puasa 2022 di kementeriannya di sini, semalam.

Katanya, barangan terlibat dalam pelaksanaan skim berkenaan ialah daging lembu tempatan (kecuali bahagian batang pinang); daging lembu import (harga maksimum di Sarawak sahaja) dan daging kerbau import (harga maksimum di Semenanjung, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja).

Bagi kategori ikan pula ia me-

libatkan ikan kembung termasuk ikan mabung (berat antara lapan ekor hingga 12 ekor setiap kilogram (kg); ikan selayang (berat antara lapan ekor hingga 12 ekor setiap kg); ikan aya/tongkol (berat antara seekor hingga dua ekor setiap kg) dan ikan Demudok/ Sagai/ Cermin/ Cupak (Sabah sahaja).

Kategori sayuran pula melibatkan tomato; cili merah; kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing); kacang panjang; terung panjang; timun; halia tua import; bawang merah besar import; bawang besar Holland; bawang putih (China); cili kering; kacang tanah; kelapa biji (borong sahaja) dan kelapa parut (runcit sahaja).

Mengenai ketiadaan ayam dalam senarai SHMMP Hari Raya Puasa 2022, Nanta berkata ia berikutan pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam bermula 5 Februari lepas yang masih berkuat kuasa sehingga 5 Jun.

Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengenai Industri Pengeluaran Makanan pada 31 Jan lepas memutuskan harga runcit maksimum bagi ayam standard dikurangkan sebanyak 20 sen kepada RM8.90 daripada harga siling RM9.10 yang ditetapkan. Sementara itu, Nanta berka-



MENTERI Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (dua, kiri) menyerahkan logo 50 Tahun Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kepada Pengarah Penguat Kuasa, Azman Adam pada majlis Perhimpunan Bulanan KPDNHEP Rabu lalu. Turut sama Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid dan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Azman Mohd Yusof. • Foto BERNAMA

ta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menentukan harga maksimum pengeluaran, borong dan runcit, adalah berdasarkan kepada maklumat harga daripada beberapa punca.

Antaranya melalui peman-

taan harga di semua daerah di seluruh negara sepanjang tahun 2021 dan pada bulan Januari sehingga April 2022 berdasarkan kepada pungutan harga yang ditetapkan secara mingguan oleh kementerian, katanya.

Selain itu katanya harga juga ditentukan menerusi pandangan

pelbagai agensi kerajaan berkaitan seperti Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta maklumat dari pengeluar, pengimport, pembekal dan pemborong barangan. - Bernama



22 APR, 2022

22 barangan tersenarai dalam SHMMP

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PUTRAJAYA: Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2022 dilaksanakan dari 26 April hingga 6 Mei ini melibatkan 22 jenis barangan, umum Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi semalam.